

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Kanak-kanak setahun positif Covid-19

Oleh AQILAH MIOR  
KAMARULBAID  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Seorang kanak-kanak lelaki berusia setahun antara yang disahkan positif Covid-19 membabitkan Kluster Benteng LD di Lahad Datu, Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah (**gambar**) berkata, kanak-kanak tersebut adalah anak saudara kepada kes ke 9,395 yang dikesan positif pada hari sama.

Katanya, bapa saudara kanak-kanak tersebut yang berusia 45 tahun adalah kontak rapat kepada kes generasi pertama iaitu kes ke 9,351, seorang banduan di Penjara Tawau berusia 43 tahun yang dikesan positif pada 1 September lalu.

“Lelaki berusia 45 tahun itu bergejala pada 1 September dan dimasukkan ke Hospital Tawau keesokannya dan dikesan positif serta dipindahkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk mendapat rawatan lanjut,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Pada 3 September lepas, Kementerian Kesihatan melaporkan kes ke 9,351 mempunyai se-



jarah dimasukkan ke Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu bagi perbincangan sebutan kes dan melalui hasil siasatan lanjut individu terbabit dikesan positif Covid-19 pada 1 September lalu.

Tambah Noor Hisham, sebanyak 776 orang disaring dalam kluster tersebut, sekali gus menjadikan jumlah kes positif dalam kluster berkenaan sebanyak 16 kes.

Dalam perkembangan sama, beliau menasihati anggota barisan hadapan sama ada dalam sektor kesihatan atau keselamatan untuk sentiasa berwaspada terhadap apa juga cabaran

dalam mencegah penularan penyakit berjangkit tanpa mengira individu, tempat dan masa.

Tambahnya, garis panduan dan tatacara yang ditetapkan hendaklah sentiasa dipatuhi sama ada semasa menguruskan kes positif Covid-19 secara langsung atau tidak.

“Ini termasuk kerap mencuci tangan, memakai pelitup muka, menggunakan peralatan perlindungan diri (PPE) yang bersesuaian dan penjarakan fizikal termasuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan sepanjang masa,” ujarnya.

Katanya, sejak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), tanggungjawab sebagai barisan hadapan bukan sahaja terletak kepada anggota kesihatan, malah menjadi tanggungjawab orang ramai, komuniti dan semua individu.

“Oleh itu, kejayaan negara dalam menangani pandemik, pasca gelombang kedua ini terletak kepada kepatuhan anggota kesihatan dan keselamatan kepada garis panduan dan tatacara serta rakyat mematuhi SOP yang dikeluarkan,” katanya.